

Bengkel halatuju, pemantapan organisasi BPKP UMS capai resolusi untuk perubahan

AST 4/6/11 4

KOTA KINABALU: Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Bengkel Halatuju dan Pemantapan Organisasi baru-baru ini.

Program yang diadakan di Tang Dynasty Park Hotel, Kota Kinabalu itu telah disertai seramai 42 peserta yang terdiri daripada Para Pegawai dan kakitangan BPKP di Kampus Induk UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Pengerusi Pengangur, Mat Usup Haji Rasid, berkata bengkel itu bertujuan mencapai satu matlamat bagi memantapkan dan menambahbaik halatuju BPKP yang diadakan sebelum ini yang melibatkan Pentadbiran, Penginapan, Penyelenggaraan dan Kebajikan Pelajar.

Tambahnya, ia selaras dengan mat-

lamat BPKP yang berfungsi memberikan perkhidmatan yang terbaik dari sudut kebajikan, penginapan dan keselamatan pelajar pada masa akan datang.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Haji Kasim Haji Md. Mansur, ketika hadir dalam majlis perasmian penutupan bengkel tersebut berharap supaya bengkel itu akan dapat merealisasikan impian BPKP amnya dan UMS khususnya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar pada masa depan dan seiring dengan matlamat UMS bertekad menjadi sebuah Universiti berinovatif yang bertaraf dunia.

Menurutnya lagi, beliau sangat berbangga kerana satu resolusi berjaya dicapai hasil perbahasan para peserta

bengkel khususnya dalam memberi jalan penyelesaian bagi memantapkan perkhidmatan BPKP pada masa akan datang.

Sebanyak tiga slot ceramah telah diutarakan pada bengkel berkenaan merangkumi Pemantapan Halatuju Perumahan Seiring dengan keperluan pengurusan Asrama, Persepaduan Kakitangan bagi mencapai Matlamat jabatan dan Pengurusan Pentadbiran Personel.

Pada majlis yang sama juga telah diadakan satu pengesahan senarai pelajar yang berjaya mendapat tempat tinggal di Kolej Kediaman bagi sesi 2011/2012 di hadapan Timbalan Naib Canselor HEPA, Timbalan Pendaftar Kanan HEPA dan Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UMS Kota Kinabalu dan UMS-Kampus Antarabangsa Labuan.



BERUCAP ... Dr Kassim ketika menyampaikan ucapan.



BERSAMA PESERTA ... Dr Kassim (duduk enam kiri) bergambar kenangan bersama peserta.